

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LANGKAWI, KEDAH



YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia) telah merasmikan Majlis Pecah Tanah bagi Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Langkawi, Kedah pada 19 Ogos 2017 bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Turut hadir semasa majlis ialah YAB Dato' Seri Diraja Ahmad Bashah bin Md. Hanipah (Menteri Besar Kedah), YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani), YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) bakal membina dua (2) buah projek PPR di Langkawi iaitu di Ulu Melaka dan Kuah. Sejumlah 1,000 unit rumah akan disediakan menerusi kedua-dua projek ini dengan kos pembinaan RM247 juta.

PPR ini sedang dalam peringkat pelaksanaan yang mana kontraktor telah dilantik untuk memulakan kerja dan projek ini dijangka siap pada tahun 2019.

Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan konsep Sewa untuk Milik (Rent to Own) bagi pemilikan PPR ini untuk mengatasi masalah pembiayaan perumahan oleh institusi perbankan. Konsep ini dilaksanakan



memandangkan kebanyakan penduduk setempat yang bakal memohon untuk mendapatkan PPR ini, tidak mempunyai penyata gaji bagi tujuan permohonan pembiayaan.

Bagi Negeri Kedah, terdapat sembilan (9) buah projek PPR yang melibatkan pembangunan sebanyak 5,122 unit rumah. Daripada jumlah ini, empat (4) buah projek PPR sedang dalam pembinaan iaitu PPR Kota Setar , Alor Setar, PPR Mukim Naga, Kubang Pasu, PPR Kuala Nerang, Padang Terap dan PPR Ayer Hitam, Kubang Pasu. Sebuah projek PPR sedang dalam peringkat perancangan iaitu PPR Bakar Bata dan dua (2) buah projek PPR lagi telah siap dibina iaitu PPR Paya Nahu, Sungai Petani (Januari 2004) dan PPR Kuah Langkawi (Julai 2000).